

Pemuda BN rancang bantahan lebih besar

LABUAN 29 Julai - Pergerakan Pemuda UMNO dan Pemuda Barisan Nasional (BN) akan mengadakan perhimpunan lebih besar bagi membantah serangan Israel ke atas bumi Lebanon dan Palestin.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, sokongan padu rakyat termasuk parti komponen BN perlu diteruskan bagi menunjukkan penentangan terhadap keganasan Israel.

Menurut beliau, selain demonstrasi bantahan di Malaysia, Pemuda BN akan ke beberapa negara bagi mengadakan jalinan kerjasama serta mendapatkan sokongan lebih besar menentang tindakan pembunuhan rakyat Lebanon dan Palestin yang tidak berdosa.

"Minggu lalu kita disertai oleh 3,000 hingga 5,000 penyokong dan minggu ini lebih 10,000 hadir. Ini membuktikan sikap kita yang marah dengan kekejaman Israel terhadap mereka yang tidak mampu melawan.

"Selepas ini saya akan ke Jakarta menemui pergerakan belia di sana untuk mengadakan gerakan bantahan bersama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Tilawah al-Quran peringkat Kementerian Pelajaran di sini, hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, dalam misi ke luar negara itu, Ketua Pemuda MCA, Datuk Liow Tiong Lai akan ke China, Ketua Pemuda MIC, S.A. Vigneswaran ke India dan Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Mah Siew Keong ke Filipina bagi mengadakan kerjasama itu.

Malah katanya, Pemuda BN bersedia bekerjasama dengan parti-parti pembangkang termasuk Pas dan DAP dalam reaksi bantahan terhadap Israel kerana isu yang dibangkitkan adalah isu sejagat.

"Ini suara rakyat Malaysia tanpa mengira ideologi politik untuk menentang sebarang bentuk kekejaman. Kita mahu Amerika Syarikat yang membantu Israel melihat dan mendengar pandangan kita," katanya.